

→ PENDIDIKAN

Skim gaji pensyarah UA antara terbaik

➔ Kementerian Pendidikan Tinggi nafi dakwaan tahap masih rendah

Oleh **Khairul Azran Hussin**
khaiazr@bh.com.my

► Kuala Langat

Kementerian Pendidikan Tinggi menafikan skim gaji pensyarah Universiti Awam (UA) masih berada pada tahap rendah, sebaliknya ia adalah antara yang terbaik di negara ini.

Malah, skim gaji pensyarah boleh mencapai tahap yang tinggi termasuk yang memiliki ijazah doktor falsafah (PhD) akan memperoleh gaji gred 51, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Idris Jusoh.

“Jadi, untuk mengatakan gaji pensyarah kita adalah rendah tidak betul. Pensyarah ada peluang untuk menikmati skim gaji yang

baik serta tinggi.

“Peluang untuk pensyarah ada jika mereka menepati kriteria dan syarat yang ditetapkan. Sebab itu kuasa autonomi diberikan kepada UA,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Pecah Tanah Pusat Sukan dan Rekreasi Universiti MAHSA bernilai RM20 juta di Bandar Saujana Putra, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Canselor MAHSA, Tun Zaki Tun Azmi; Pro-Canselor yang juga Pengerusi Eksekutif MAHSA, Prof Tan Sri Dr Mohamed Haniffa Abdullah; Pro-Canselor yang juga Pengerusi MAHSA, Prof Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican dan Naib Canselor MAHSA, Prof Datuk Khairul Anwar Abdullah.

Sebelum ini, Presiden Kongres



Idris (kanan) menandatangani simbolik Majlis Pecah Tanah Kompleks Sukan Universiti MAHSA Kampus Bandar Saujana Putra Kuala Langat, semalam.

Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof Datuk Dr Mohd Idrus Mohd Masirin mendakwa pensyarah seolah-olah kurang diberikan perhatian berbanding guru yang sering menikmati pelbagai insentif baharu.

Kualiti UA semakin baik

Beliau dilaporkan berkata, kualiti perkhidmatan lebih 35,000 pensyarah UA di negara ini dikuatir terjejas apabila skim perkhidmatan dan gaji tidak berubah sejak 15 tahun lalu, malah ketinggalan berbanding penjawat awam lain.

Dalam perkembangan lain, Idris berkata, kerajaan akan menilai keperluan untuk menghantar pelajar melanjutkan pengajian ijazah sarjana muda ke luar negara kerana kualiti UA semakin baik, termasuk diiktiraf di peringkat global.

**Fakta
nombor**

35,000
PENSYARAH

UA di negara ini

Sasar terbaik peringkat global

Katanya, lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), adalah antara yang terbaik di dunia.

“Ada bidang tertentu yang meletakkan UA kita adalah antara yang terbaik pada peringkat global. Jika hendak lanjut pengajian peringkat ijazah sarjana dan PhD, mungkin baru boleh ke luar negara,” katanya.

Mengulas lanjut, Idris berkata, kerajaan menasarkankan untuk meletakkan UA berada pada kedudukan antara 100 terbaik dunia pada 2020 dan antara 20 terbaik dunia pada 2050.

[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH]